

BERITA » Nasional

Selasa, 14 Mei 2019 | 1:40pm



PERDANA Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di Putrajaya, hari ini. - Foto Luqman Hakim Zubir

myPortfolio mantapkan sistem penyampaian perkhidmatan awam - PM

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Irwan Shafrizan
Ismail
bhnews@bh.com.my

697 dibaca

Share

Tweet

Share

PUTRAJAYA: Kerajaan hari ini melancarkan 'myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam' yang diperkenalkan sebagai sistem pengurusan strategik bagi memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata myPortfolio adalah komitmen kerajaan untuk terus mewujudkan persekitaran kondusif yang menyokong kepada peningkatan daya saing peringkat global melalui pelbagai dasar mesra perniagaan.

Panduan dikeluarkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri yang berkuat kuasa 12 Julai 2018 itu dijadikan rujukan dalam penyediaan dokumen berkaitan prosedur, proses kerja dan tanggungjawab lebih teratur di peringkat jabatan serta individu.

Perdana Menteri berkata, inisiatif myPortfolio membolehkan penjawat awam tahu apa yang perlu dibuat dalam melaksanakan tugas mereka dengan pegawai lain.

“Proses ini juga memudahkan penyelia memantau status pelaksanaan tugas dan mengambil tindakan pembetulan jika berlaku kelewatan,” katanya ketika melancarkan myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir di sini, hari ini.

Yang turut hadir, anggota Kabinet kerajaan serta Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr Ismail Bakar.

Difahamkan, sehingga hujung bulan lalu, myPortfolio sudah mencapai 94.1 peratus penggunaan yang mana ia digunakan penjawat awam bagi melaksanakan tugas dan menambah baik manual prosedur kerja serta fail meja terdahulu.

Dr Mahathir berkata, komitmen kerajaan menyokong peningkatan daya saing peringkat global melalui pelbagai dasar mesra perniagaan telah membuahkan hasil apabila Malaysia menunjukkan pencapaian membanggakan dalam pengiktirafan antarabangsa.

“Dalam laporan terkini ‘Ease of Doing Business Report 2019’ oleh Bank Dunia, kedudukan Malaysia telah melonjak dari tempat 24 kepada kedudukan ke-15 dalam kalangan 190 negara.

“Kedudukan ini meletakkan Malaysia mengatasi beberapa negara maju seperti Perancis, Switzerland dan Jepun. Kita juga berada pada kedudukan keenam Asia Pasifik selepas New Zealand, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, semua pencapaian itu amat penting kerana ia mengiktiraf Malaysia sebagai negara mesra perniagaan.

“Selain itu, ia mengiktiraf Malaysia sebagai negara mempunyai tadbir urus korporat yang meyakinkan dan cemerlang.

“Perniagaan bukan sahaja aktiviti utama kepada peningkatan kekayaan negara, malah meningkatkan peluang pekerjaan dan cukai untuk dana kerajaan,” katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pengiktirafan itu tidak statik dan semua pihak tidak harus berpuas hati dan berhenti berusaha memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam sedia ada.

“Saya ingin mengingatkan semua anggota kerajaan bahawa sistem atau cara melakukan sesuatu, walau bagaimana baik sekali pun, tidak akan berjaya jika pengamal sistem tidak gunanya dengan jujur, disiplin dan semangat,” katanya.

Sempena pelancaran myPortfolio, MAMPU turut mengeluarkan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir yang memperincikan lagi pelaksanaan penyediaan cara alir aktiviti utama di jabatan kerajaan, yang mana ia perlu dipaparkan di tempat strategik di premis agensi kerajaan.